

SIARAN AKHBAR

DATUK EWON LANCAR INISIATIF BAKAL PERKUKUH PENJENAMAAN DALAM KALANGAN PMKS



YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (tiga dari kanan) melancarkan buku *Do Your Own Branding (DYOB)* dan laman sesawang Program National Mark of Malaysian Brand (NMMB) di Brand Quest Forum (BQF) 2024. Turut kelihatan adalah Puan Noor Afifah binti Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha, KUSKOP (dua dari kanan), Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengurus, SME Corp. Malaysia (tiga dari kiri), Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia (dua dari kiri), Puan Hajah Nur Fadhilah binti Muhammad, Ketua Pegawai Eksekutif, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (kiri sekali) dan YM Raja Muzafer Raja Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif, DDEC (kanan sekali).

KUALA LUMPUR, 10 Disember 2024 – YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah melancarkan buku "Do Your Own Branding (DYOB)" bagi membantu Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS) membina dan mengukuhkan jenama mereka. Buku panduan terbitan SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) ini telah dilancarkan seusai perasmian acara *Brand Quest Forum (BQF) 2024* di Mont Kiara, Kuala Lumpur hari ini.

Sebagai panduan yang mesra dan mudah difahami, buku ini menyediakan strategi praktikal dalam membina identiti jenama, memilih nama dan logo, serta merancang sistem jenama yang mampan. Di samping itu, DYOB juga mengandungi kisah kejayaan PMKS dalam strategi penjenamaan, menjadikannya sumber penting untuk memperkasa PMKS dan membawa jenama mereka ke peringkat global.

Selain buku DYOB, YB Datuk Ewon juga telah melancarkan laman sesawang baharu Program *National Mark of Malaysian Brand* (NMMB) yang menyediakan maklumat terkini dan akses mudah kepada PMKS untuk mendapatkan maklumat tentang program tersebut. Program NMMB merupakan program pensijilan yang dianugerahkan kepada syarikat yang telah memenuhi tahap pematuhan kepada standard dan kualiti yang tinggi seterusnya membantu produk dan perniagaan untuk menembusi pasaran serantau dan antarabangsa sejajar dengan salah satu Bidang Tumpuan di bawah Pelan Strategik Perniagaan SME Corp. Malaysia iaitu Pengantarabangsaan PMKS.

YB Datuk Ewon Benedick dalam ucaptamanya berkata, "Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan dengan PMKS sebagai tunjang utama, penjenamaan menjadi strategi penting untuk menambah nilai, membezakan produk dan perkhidmatan serta memastikan daya saing di pasaran global. KUSKOP kekal komited untuk memperkasakan PMKS melalui pelbagai langkah strategik, termasuk meningkatkan penyertaan PMKS dalam eksport sehingga 15% daripada jumlah eksport negara menjelang 2025. Melalui transformasi yang melibatkan pendigitalan, automasi dan penjenamaan yang kukuh, kita dapat memposisikan produk dan perkhidmatan Malaysia sekaligus menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan dan progresif".

Manakala Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia dalam ucapan aluannya menekankan tentang keperluan penjenamaan, "Penjenamaan adalah aspek penting dalam meningkatkan daya saing perniagaan. Dalam dunia perniagaan yang kompetitif, jenama bukan sekadar tanda pengenalan, tetapi lambang kepercayaan dan kualiti. Justeru, forum ini menjadi platform untuk bersama-sama memartabatkan jenama Malaysia agar terus dikenali dan dihormati di arena antarabangsa".

Dalam majlis yang sama, Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia pula menyatakan, "Buku DYOB ini merupakan sebahagian daripada inisiatif SME Corp. Malaysia dalam aspek penjenamaan selain Program *National Mark of Malaysian Brand* (NMMB). Program NMMB sejak diperkenalkan pada 2009, telah menjadi platform penting dalam memperkuuh jenama PMKS melalui pengiktirafan kepada 177 syarikat yang menawarkan produk dan perkhidmatan

Malaysia yang melambangkan Kualiti, Kecemerlangan dan Keunggulan (*Quality, Excellence and Distinction*)“.

BQF 2024 yang dianjurkan bersama Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC) dengan tema '*Branding Beyond Borders: Exploring Global Perspective*' ini bermatlamat menyediakan platform kepada pemain industri terutamanya PMKS, untuk memahami dengan lebih mendalam kepentingan strategi penjenamaan yang berkesan dalam memperkuuh daya saing perniagaan. Sesi perkongsian memberikan tumpuan kepada pengalaman dan kisah PMKS yang telah berjaya dalam aspek penjenamaan serta mendedahkan PMKS kepada perkembangan penjenamaan terkini untuk merangka strategi menembusi pasaran baharu. Di antara penceramah terkemuka dalam forum yang diadakan selama dua (2) hari ini adalah seperti Encik Muhamad Zamry Abu Samah, Richiamo Sdn. Bhd., Encik Jon Chin, Cognitive Blend, Dr. Darren Ng, Petite Maison Café dan Encik Aesos Lai, Sunshine Kingdom.

Turut hadir semasa majlis perasmian BQF 2024 adalah Puan Noor Afifah binti Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pemantauan) KUSKOP, Puan Hajah Nur Fadhilah binti Muhammad, Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM QAS International Sdn. Bhd., YM Raja Muzafar Raja Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif DDEC dan Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my